

# KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: SINAR HARIAN (NEGERI)

TARIKH: 12 FEBRUARI 2020

MUKA SURAT:30

## 16 lokasi tumpuan pelancong di Perak tak selamat

IPOH - Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Perak telah mengenalpasti 16 lokasi tumpuan pelancong yang tidak dilengkapi dengan fasiliti keselamatan.

Pengarahnya, Azmi Osman berkata, rondaan dan kajian di lokasi antaranya Tasik Cermin, Kapal Korek Tanjung Tualang, Burmese Pool, Tasik Banding dan Air Terjun Batu Berangkai adalah berisiko tinggi.

"Lokasi-lokasi ini boleh mengancam nyawa berdasarkan analisis Majlis Keselamatan Aktiviti Air. Tinjauan mendapati sebahagian lokasi tidak mempunyai ciri-ciri keselamatan.

"Contohnya Tasik Cermin, lokasi berkenaan sempit dan mempunyai rakit yang tiada ciri keselamatan. Aspek ini perlu dilihat demi keselamatan pe-



Azmi (dua dari kiri) melakukan pemeriksaan Perbarisan Kehormat pada Majlis Perbarisan Tahunan JBPM Perak 2020 di Ibu Pejabat JBPM Bandar Meru Raya semalam.

ngunjung yang datang untuk bergambar. Mereka mungkin boleh terjatuh dalam tasik tersebut," katanya sempena Majlis Perbarisan Tahunan JBPM Perak 2020 di Ibu Pejabat JBPM Ban-

dar Meru Raya di sini semalam. Menurutinya, pihaknya telah mula menjalankan kempen keselamatan selain memasang papan tanda awal keselamatan untuk perhatian pengunjung.